

Anwar ingatkan ahli Parlimen jaga tata susila

W/d. 4
BH - 21/12/2022

Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan kepada semua ahli Parlimen supaya menjaga tata susila dan kemuliaan Dewan Rakyat bagi mengelak ia digelar rakyat sebagai sarkas.

Perdana Menteri berkata, biarpun boleh berbeza pendapat, ia tidak seharusnya keterlaluan kerana keadaan itu akan ditertawakan oleh rakyat.

"Seperti yang kita lihat gelagat berlaku semalam, kalau bagi pihak kerajaan, saya beri jaminan dan Timbalan Perdana Menteri kedua sebagai Ketua Whip (Datuk Seri Fadillah Yusof) sudah diminta untuk memaklumkan kepada ahli Yang Berhormat untuk menjaga susila di dewan ini dan apa pun perkembangan tidak melanggar batas adab dan susila serta menghormati peraturan dewan.

"Kita tahu sidang Parlimen ini ditonton, kita boleh berbeza pendapat, boleh bertengkar, tetapi harus jaga kemuliaan dewan ini dan tidak keterlaluan kerana ini akan ditertawakan oleh rakyat dan melihat seluruh dewan ini menjadi gelanggang seperti mana disebut dalam sosial media sebagai sarkas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 di Dewan Rakyat semalam.

Kelmarin, Dewan Rakyat kecoh apabila wakil rakyat mempertikaikan pembentangan usul percaya kepada Perdana Menteri.

Pertikaian yang berlarutan sehingga sesi perbahasan usul itu turut menyaksikan beberapa ahli Parlimen daripada blok kerajaan dan pembangkang masing-masing mengeluarkan perkataan tidak berparlimen, 'bodoh', 'beruk' serta 'penyamun'.